

## RISALAH PENDEDAHAN PRODUK RHB Treasure FlexiWealth

Ini adalah produk insurans

Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil RHB Treasure FlexiWealth. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

### 1. Apakah produk ini?

Polisi insurans berkaitan pelaburan (ILP) ini menawarkan gabungan perlindungan insurans dan pelaburan sehingga umur 100 tahun hari jadi berikut. Apabila Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) sebelum ulang tahun polisi di mana Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 70 tahun pada hari jadi berikut, jumlah manfaat akan dibayar sekali gus.

Pelan ini juga mempunyai Bonus Kesetiaan dan manfaat tambahan untuk Kematian/HUMK akibat Kemalangan bagi Orang yang Diinsuranskan dan Pasangan yang Sah.

Nilai dana Insurans Berkaitan Pelaburan ini bergantung kepada harga unit dana, di mana harga unit dana bergantung kepada prestasi dana (-dana) pelaburan yang anda pilih.

Terdapat tujuh dana yang sedia ada untuk pilihan anda, di mana setiap dana mempunyai objektif pelaburan dan profil risiko yang berbeza:

#### (i) Dana TokioMarine-Bond

Untuk memberikan pengumpulan modal jangka sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam sekuriti pendapatan tetap yang berkualiti.

#### (ii) Dana TokioMarine-Enterprise

Bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam saham berkualiti yang disenarai dalam Bursa Malaysia dan bursa saham luar negara.

#### (iii) Dana TokioMarine-Managed

Satu dana yang diurus secara aktif bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam saham dan sekuriti pendapatan tetap melalui Dana TokioMarine-Enterprise dan Dana TokioMarine-Bond serta dalam mana-mana dana Tokio Marine yang lain atau dana pihak ketiga yang mungkin ditawarkan pada masa hadapan.

#### (iv) Dana TokioMarine-Orient

Bertujuan untuk meningkatkan modal dalam jangka sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam skim pelaburan kolektif tunggal yang melabur secara terpilih dalam sekuriti, seperti ekuiti dan bon yang berkaitan, sama ada yang disenarai atau akan disenarai dalam pasaran ekuiti Asia yang bukan dari Japan.

#### (v) TokioMarine-Dana Ikhtiar

Bertujuan untuk memberikan gabungan yang seimbang bagi pendapatan dan modal yang berpotensi berkembang dengan melalui pelaburan dalam saham yang tersenarai dalam Bursa Malaysia atau bursa saham yang lain, saham tidak tersenarai dan sekuriti hutang Islam dan aset lain yang tidak memberi faedah yang boleh diterima di bawah prinsip Syariah. Akan tetapi, polisi ini bukan pelan yang mematuhi prinsip Syariah.

#### (vi) Dana TokioMarine-Luxury

Untuk melabur dalam Dana RHB Leisure, Lifestyle & Luxury yang berpotensi mencapai peningkatan modal berjangka panjang dengan melabur dalam ekuiti dan ekuiti berkaitan sekuriti yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang menyediakan barangan dan perkhidmatan-perkhidmatan dalam pasaran Riadah, Gaya Hidup dan Mewah, atau skim pelaburan kolektif yang mempunyai tujuan pelaburan yang sama

#### (vii) Dana TokioMarine-Global Sustainable

Bertujuan untuk menggalakkan ciri-ciri alam sekitar, sosial atau kemampunan dengan melabur sekurang-kurangnya dua pertiga daripada asetnya dalam saham atau instrumen jenis ekuiti syarikat terkemuka di dunia.

**Sila rujuk Risalah Fakta Dana untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang dana-dana pelaburan.**

Polisi ini memberi opsyen Premium Tambahan seperti berikut:

#### (i) Premium Tambahan Berkala (RTU)

Satu opsyen yang membolehkan anda menentukan jumlah premium yang akan dibayar dengan kekerapan yang sama seperti premium asas untuk meningkatkan pulangan Nilai Dana Pelaburan anda.

#### (ii) Premium Tambahan Tunggal (SPTU)

Satu opsyen untuk membolehkan anda membayar premium sekali untuk meningkatkan Nilai Dana Pelaburan Anda

Polisi ini boleh diserahkan pada bila-bila masa selepas polisi telah berkuatkuasa. Nilai serahan adalah tidak terjamin dan bergantung kepada prestasi dana pelaburan.

## 2. Apakah perlindungan/ manfaat yang diberikan?

Jumlah Asas yang Diinsuranskan\* bagi pelan ini adalah RM ( Jumlah ) .

Polisi ini menawarkan:

No.	Manfaat-Manfaat	Hayat Standard	Hayat Sub-Standard	Hayat Severely Sub-Standard
(i)	Manfaat Kematian/ Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)	<p><b>Tahun Polisi 1-2:</b> ( % ) daripada Jumlah Premium yang Dibayar untuk pelan asas (tidak termasuk sebarang premium tambahan)^ ATAU Nilai Dana Perlindungan ATAU RM 5,000, yang mana lebih tinggi tolak sebarang amaun yang terhutang, DAN Nilai Dana Pelaburan (jika ada) akan dibayar</p> <p><b>Tahun Polisi 3 dan seterusnya:</b> ( % ) daripada Jumlah Premium yang Dibayar untuk pelan asas (tidak termasuk sebarang premium tambahan)^ ATAU Nilai Dana Perlindungan ATAU RM 5,000, yang mana lebih tinggi tolak sebarang amaun yang terhutang, DAN Nilai Dana Pelaburan (jika ada) akan dibayar</p>	<p><b>Tahun Polisi 1-2:</b> ( % ) daripada Jumlah Premium yang Dibayar untuk pelan asas (tidak termasuk sebarang premium tambahan)^ ATAU Nilai Dana Perlindungan ATAU RM 5,000, yang mana lebih tinggi tolak sebarang amaun yang terhutang, DAN Nilai Dana Pelaburan (jika ada) akan dibayar</p> <p><b>Tahun Polisi 3 dan seterusnya:</b> ( % ) daripada Jumlah Premium yang Dibayar untuk pelan asas (tidak termasuk sebarang premium tambahan)^ ATAU Nilai Dana Perlindungan ATAU RM 5,000, yang mana lebih tinggi tolak sebarang amaun yang terhutang, DAN Nilai Dana Pelaburan (jika ada) akan dibayar</p>	<p><b>Tahun Polisi 1-2:</b> ( % ) daripada Jumlah Premium yang Dibayar untuk pelan asas (tidak termasuk sebarang premium tambahan)^ ATAU Nilai Dana Perlindungan ATAU RM 5,000, yang mana lebih tinggi tolak sebarang amaun yang terhutang, DAN Nilai Dana Pelaburan (jika ada) akan dibayar</p> <p><b>Tahun Polisi 3 dan seterusnya:</b> ( % ) daripada Jumlah Premium yang Dibayar untuk pelan asas (tidak termasuk sebarang premium tambahan)^ ATAU Nilai Dana Perlindungan ATAU RM 5,000, yang mana lebih tinggi tolak sebarang amaun yang terhutang, DAN Nilai Dana Pelaburan (jika ada) akan dibayar</p>
(ii)	Manfaat Kematian/ HUMK akibat Kemalangan** disebabkan oleh (a) Sebarang sebab selain daripada menaiki Pengangkutan Awam dan Bencana Alam (b) Semasa menaiki Pengangkutan Awam (c) Bencana Alam	<p>(a) Tambahan RM ( Jumlah ) (iaitu 100% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan) akan dibayar</p> <p>(b) Tambahan RM ( Jumlah ) (iaitu 200% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan) akan dibayar</p> <p>(c) Tambahan RM ( Jumlah ) (iaitu 300% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan) akan dibayar</p>		
(iii)	Manfaat Kematian/HUMK Pasangan yang Sah akibat Kemalangan	Tambahan RM ( Jumlah ) (iaitu 100% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan) akan dibayar		
(iv)	Bonus Kesetiaan	RM ( Jumlah ) (iaitu 100% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan), akan dikreditkan ke dalam PFV dengan kadar peruntukan 100% pada akhir tahun polisi di mana Orang yang Diinsuranskan mencapai umur ( Umur ) tahun pada hari jadi berikut, sekiranya polisi tersebut masih berkuatkuasa, semua premium telah dibayar sehingga terkini dan tiada pengeluaran separa telah dibuat		
(v)	Manfaat Kematangan	Nilai Dana Perlindungan tambah dengan Nilai Dana Pelaburan (jika ada) akan dibayar		

### Catatan:

- \*Jumlah Asas yang Diinsuranskan = Premium Asas dalam mod pembayaran tahunan (tidak termasuk sebarang Premium Tambahan dan premium tambahan daripada waiver(-waiver) yang dilampirkan).
- ^Manfaat Kematian berdasarkan Jumlah Premium yang Dibayar untuk pelan asas (tidak termasuk sebarang premium tambahan) akan ditolak dengan sebarang pengeluaran daripada Nilai Dana Perlindungan dalam tempoh dua belas (12) bulan yang lalu sebelum kematian Orang yang Diinsuranskan.
- \*\*Sekiranya Kematian akibat Kemalangan atau HUMK akibat Kemalangan adalah disebabkan oleh pelbagai peristiwa yang disenaraikan di bawah (ii), hanya manfaat tertinggi akan dibayar. Lien Juvenil akan dikenakan ke atas peristiwa yang berlaku sebelum umur 5 tahun pada hari jadi berikut.
- Manfaat HUMK akan dihentikan pada ulang tahun polisi di mana Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 70 tahun pada hari jadi berikut, dan tertakluk kepada RM 8 juta setiap hayat bagi semua polisi hayat individu Orang yang Diinsuranskan.
- Amaun tambahan yang akan dibayar untuk Manfaat Kematian akibat Kemalangan/ HUMK akibat Kemalangan akan dihentikan pada ulang tahun polisi di mana Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 70 tahun pada hari jadi berikut, dan tertakluk kepada maksimum tambahan sebanyak RM 500,000 setiap hayat secara agregat di bawah polisi ini dan mana-mana polisi lain yang berkenaan sebagaimana yang dimaklumkan kepada anda.
- Jumlah amaun tambahan yang akan dibayar untuk Manfaat Kematian/ HUMK akibat Kemalangan adalah tertakluk kepada RM 2 juta setiap hayat bagi Orang yang Diinsuranskan yang berumur 16 tahun dan ke bawah pada hari jadi berikut, dan RM 10 juta setiap hayat bagi Orang yang Diinsuranskan yang berumur 17 tahun sehingga 70 tahun pada hari jadi berikut.
- Manfaat Kematian/ HUMK Pasangan yang Sah akibat Kemalangan hanya akan dibayar semasa kematian atau HUMK akibat kemasalangan pasangan yang sah yang berumur 70 tahun dan ke bawah pada hari jadi berikut. Manfaat ini hanya akan dibayar sekali sahaja untuk setiap polisi, dan tertakluk kepada maksimum amaun sebanyak RM 500,000 setiap hayat.

### Jaminan Berkuatkuasa

- Polisi ini tidak akan luput dalam tiga (3) tahun polisi yang pertama walaupun Jumlah Nilai Dana polisi ini jatuh ke kosong. Jaminan Berkuatkuasa ini akan kekal berkuatkuasa selagi:
- Semua premium (termasuk Premium Asas dan Premium Tambahan Berkala) yang perlu dibayar telah dibayar dalam Tempoh Tangguh dan premium tidak dikurangkan kecuali semasa Jumlah Asas yang Diinsuranskan juga dikurangkan sewajarnya; dan
  - Tiada sebarang pengeluaran daripada Nilai Dana Perlindungan sepanjang tempoh Jaminan Berkuatkuasa.

Polisi ini juga dilampir dengan rider(-rider) yang berikut:

( Rider )

**Dana(-dana) yang dipilih:**

Dana-Dana	Peruntukkan Dana (%)
( Dana yang dipilih )	( % )
( Dana yang dipilih )	( % )
( Dana yang dipilih )	( % )
( Dana yang dipilih )	( % )
( Dana yang dipilih )	( % )
( Dana yang dipilih )	( % )
( Dana yang dipilih )	( % )

**Peringatan:** Sila baca ilustrasi jualan dan risalah(-risalah) fakta dana yang merangkumi manfaat-manfaat produk dan objektif-objektif dana pelaburan. Ia adalah penting supaya anda memilih pelan atau kombinasi dana yang bersesuaian dengan matlamat kewangan dan profil risiko anda.

Jika Orang yang Diinsuranskan berumur 5 tahun dan ke bawah pada hari jadi berikut, Lien Juvenil akan dikenakan. Jumlah yang Diinsuranskan<sup>#</sup> yang akan dibayar bagi Manfaat Kematian/ HUMK akibat Kemalangan akan berdasarkan peratusan berikut:

Umur Hari Jadi Berikut semasa tuntutan	Peratusan Jumlah yang Diinsuranskan <sup>#</sup>
1 Tahun	20%
2 Tahun	40%
3 Tahun	60%
4 Tahun	80%
5 Tahun dan ke atas	100%

<sup>#</sup> Jumlah yang Diinsuranskan merujuk kepada:

- Tambahan Jumlah Asas yang Diinsuranskan semasa menuntut Manfaat Kematian akibat Kemalangan/HUMK akibat Kemalangan.

Tempoh Perlindungan: ( Tempoh ) tahun, atau sehingga berlakunya kematian Orang yang Diinsuranskan, bayaran penuh bagi Manfaat HUMK, penyerahan, kematangan, pembatalan atau peluputan polisi, yang mana lebih awal.

**3. Berapakah premium\* yang perlu saya bayar?**

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd

Anggaran jumlah premium yang anda perlu bayar untuk pelan asas ini: RM ( Jumlah ) setiap tahun  
 (Termasuk Premium Tambahan Berkala, jika ada)

Tempoh pembayaran premium: 3 tahun

Kami memperuntukkan sebahagian daripada premium yang dibayar untuk membeli unit dalam dana(-dana) pelaburan. Sebarang amaun yang tidak diperuntukkan akan digunakan untuk membayar komisen kepada Bank dan perbelanjaan lain kami. Anda dinasihatkan supaya merujuk kepada kadar peruntukan yang ditunjukkan dalam ilustrasi jualan.

**\*Sila rujuk kepada Jadual 1 dalam ilustrasi jualan ini untuk anggaran jumlah premium yang anda perlu bayar.**

#### 4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- **Caj Insurans** adalah tidak terjamin dan mungkin berbeza berdasarkan faktor-faktor tertentu seperti umur, jantina dan status merokok bagi Orang Yang Diinsurankan, di mana yang berkenaan. Caj Insurans akan meningkat apabila umur Orang Yang Diinsurankan meningkat.
- **Caj Pentadbiran** akan ditolak daripada Jumlah Nilai Dana setiap bulan untuk memenuhi perbelanjaan penanggung insurans, termasuk komisen yang perlu dibayar kepada bank.

Tahun Polisi	Caj Pentadbiran Tahunan (% daripada nilai unit dalam Jumlah Nilai Dana)
1	20%
2	12%
3 dan ke atas	0%

- Kecuali Institusi Pendidikan atau Persatuan Agama yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis, premium yang perlu dibayar bagi polisi yang dimiliki oleh organisasi atau polisi yang diperuntukkan kepada organisasi adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) (jika berkenaan).

- **Caj Pengurusan Dana** (% daripada nilai dana setiap tahun)

Dana-Dana	Maksimum (% setahun daripada nilai aset bersih dana)	Semasa (% setahun daripada nilai aset bersih dana)
Dana TokioMarine-Enterprise	1.50	1.50
Dana TokioMarine-Bond	1.00	0.50
TokioMarine-Dana Ikhtiar	1.50	1.50
Dana TokioMarine-Managed	1.50	1.20
Dana TokioMarine-Orient	1.50	1.50
Dana TokioMarine-Luxury	1.50	1.50
Dana TokioMarine-Global Sustainable	1.50	1.50

- Fi pertukaran dana: Tidak berkenaan.

- **Caj Cuti Premium** akan ditolak daripada Jumlah Nilai Dana setiap bulan apabila anda berhenti membayar jumlah premium. Caj Cuti Premium akan terus dikenakan sehingga semua premium tertunggak dibayar sepenuhnya atau penamatan polisi, yang mana lebih awal.

Tahun Polisi (apabila Cuti Premium berlaku)	Caj Cuti Premium Tahunan (% daripada nilai unit dalam Jumlah Nilai Dana)
1	20%
2	12%
3 dan ke atas	0%

- **Caj Pengeluaran Separa** akan ditolak daripada amaun yang dikeluarkan apabila anda melakukan pengeluaran separa. Sekiranya polisi tersebut mempunyai sebarang premium tertunggak semasa pengeluaran separa dibuat, peratusan yang dikenakan akan berdasarkan tahun polisi di mana anda berhenti untuk membayar jumlah premium.

Tahun Polisi (Pengeluaran Separa berlaku)	Caj Pengeluaran Separa (% daripada Amaun yang Dikeluarkan)
1	30%
2	15%
3	10%
4	5%
5 dan ke atas	0%

- **Caj Serahan** akan ditolak daripada Jumlah Nilai Dana apabila anda menyerahkan polisi anda. Sekiranya polisi tersebut mempunyai sebarang premium tertunggak semasa serahan dibuat, peratusan yang dikenakan akan berdasarkan tahun polisi di mana anda berhenti untuk membayar jumlah premium.

Tahun Polisi (apabila Serahan berlaku)	Caj Serahan (% daripada Jumlah Nilai Dana)
1	30%
2	15%
3	10%
4	5%
5 dan ke atas	0%

- Komisen akan ditanggung oleh anda dan akan dibayar daripada premium. Sila rujuk kepada komisen untuk Jumlah Premium yang Dibayar untuk pelan asas (tidak termasuk sebarang premium tambahan) dan Premium Tambahan Berkala berikut:

Tahun Polisi	Jumlah Premium yang Dibayar untuk pelan asas (tidak termasuk sebarang premium tambahan) (RM)	Komisen Dibayar		Premium Tambahan Berkala yang Dibayar (RM)	Komisen Dibayar	
		Peratusan Premium (%)	Amaun Sebenar (RM)		Peratusan Premium (%)	Amaun Sebenar (RM)
1	(Jumlah)	(%)	(Jumlah)	(Jumlah)	(%)	(Jumlah)
2	(Jumlah)	(%)	(Jumlah)	(Jumlah)	(%)	(Jumlah)
3	(Jumlah)	(%)	(Jumlah)	(Jumlah)	(%)	(Jumlah)
<b>Jumlah</b>	(Jumlah)		(Jumlah)	(Jumlah)		(Jumlah)

**Catatan:**

Maklumat lanjut tentang fi-fi dan caj-caj untuk ILP telah diberikan dalam ilustrasi jualan. Semua fi dan caj adalah tidak dijamin dan akan disemak semula dengan memberi notis bertulis awal sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari awal kepada anda. Sebarang semakan yang dibuat hanya akan berkuatkuasa pada ulang tahun polisi yang seterusnya.

**5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya ambil perhatian?**

- Kepentingan Pendedahan - Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan (jika ada), dan menyatakan umur anda dengan tepat.
- Tempoh Bertenang - Polisi ini boleh dibatalkan dengan permintaan bertulis dan mengembalikan dokumen polisi dalam tempoh lima belas (15) hari selepas penghantaran polisi kepada anda. Apabila pembatalan polisi dibuat, kami akan memulangkan jumlah premium yang tidak diperuntukkan, Jumlah Nilai Dana pada tarikh penilaian seterusnya dan sebarang caj insurans, caj pentadbiran dan caj-caj lain yang telah ditolak, tolak sebarang perbelanjaan perubatan yang telah kami tanggung (jika ada) semasa mengeluarkan polisi dan polisi anda akan dibatalkan.
- Nilai Dana Perlindungan - Baki nilai unit bagi Premium Pelan Asas yang telah diperuntukkan pada suatu ketika.
- Nilai Dana Pelaburan - Baki nilai unit bagi Premium Tambahan Berkala dan Premium Tambahan Tunggal (jika ada) yang telah diperuntukkan pada suatu ketika.
- Jumlah Nilai Dana - Jumlah Nilai Dana Perlindungan (PFV) dan Nilai Dana Pelaburan (IFV) yang bergantung kepada prestasi dana(-dana) pelaburan yang anda pilih. Semakin tinggi perlindungan insurans yang dipilih, semakin banyak unit akan ditolak untuk membayar caj insurans dan semakin kurang unit yang tinggal untuk mengumpul nilai dana di bawah polisi anda.
- Polisi Luput - Polisi ini akan luput sekiranya Jumlah Nilai Dana (TFV) tidak mencukupi untuk membayar caj insurans atau caj lain, dan Jaminan Berkuatkuasa telah dibatalkan.
- Caj Polisi - Caj polisi (termasuk caj insurans dan caj lain) adalah tidak terjamin. Kami berhak untuk menyemak semula caj insurans yang akan dikenakan pada masa pembaharuan dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari awal kepada anda. Sebarang semakan semula yang dibuat hanya akan berkuatkuasa pada ulang tahun polisi seterusnya.
- Notis Tuntutan - Notis bertulis mesti diberikan kepada kami dalam tempoh masa enam puluh (60) hari dari tarikh kematian dan enam (6) bulan dari tarikh HUMK berlaku.
- Penggantian Polisi - Penggantian polisi anda dengan polisi yang baharu mungkin akan tidak berfaedah. Terma dan syarat baharu bagi polisi baharu mungkin diaplikasi jika keadaan kesihatan semasa anda adalah tidak memuaskan bagi syarikat insurans baharu. Sekiranya anda ingin berbuat demikian, kami mencadangkan supaya anda mendapatkan nasihat daripada Kami/ wakil jualan kami sebelum membuat keputusan muktamad.

**Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat yang lengkap di bawah polisi ini.**

**6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

- Manfaat Kematian
  - Bunuh diri (sama ada waras atau tidak waras) dalam tempoh 1 tahun dari Tarikh Pengeluaran atau Tarikh Pengembalian Semula polisi, yang mana lebih kemudian. Polisi ini akan dibatalkan dan kami akan mengembalikan jumlah berikut:
    - (a) Jumlah unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada harga unit pada tarikh penilaian seterusnya;
    - (b) Sebarang premium yang belum diperuntukkan; dan
    - (c) Sebarang caj insurans dan caj-caj lain yang berkenaan yang telah ditolak.
- Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)
  - Percubaan membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman);
  - Kecederaan diri yang sengaja atau kecederaan yang dialami ketika berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
  - Kecederaan yang dialami semasa melibatkan diri dalam aktiviti pengejaran atau kelajuan yang berbahaya atau pertandingan ketahanan;
  - Sebarang aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar atau krew kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan antarabangsa dan berlesen untuk perkhidmatan penumpang atas laluan komersial yang berjadual tetap);
  - Pelayaran kapal selam;
  - Perkhidmatan tentera, polis, tentera laut atau aeronautik;
  - Pelanggaran undang-undang atau menentang daripada ditahan;
  - Sebarang bentuk Hilang Upaya yang wujud pada Tarikh Pengeluaran atau Tarikh Pengembalian Semula polisi, yang mana lebih kemudian;
  - Peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, revolusi, rusuhan dan kekecohan awam, mogok atau aktiviti penganas; atau
  - Keadaan Sedia Ada\* yang wujud sebelum Tarikh Pengeluaran atau Tarikh Pengembalian Semula polisi, yang mana lebih kemudian.

- Manfaat Kematian/ HUMK akibat Kemalangan untuk Orang yang Diinsuranskan dan Pasangan yang Sah
  - Sebarang masalah kesihatan atau penyakit yang disebabkan oleh punca bukan kemalangan;
  - Percubaan membunuh diri (sama ada waras atau tidak waras);
  - Kecederaan diri yang sengaja atau kecederaan yang dialami semasa berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
  - Kecederaan yang dialami semasa melibatkan diri dalam aktiviti pengejaran atau kelajuan yang berbahaya atau pertandingan ketahanan;
  - Sebarang aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar atau krew kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan antarabangsa dan berlesen untuk perkhidmatan penumpang atas laluan komersial yang berjadual tetap);
  - Pelayaran kapal selam;
  - Perkhidmatan tentera, polis, tentera laut atau aeronautik;
  - Pelanggaran undang-undang atau menentang daripada ditahan;
  - Pengembalian ketenteraman awam atau membuat apa-apa tangkapan sebagai pegawai undang-undang;
  - Peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, revolusi, rusuhan dan kekecohan awam, mogok atau aktiviti pengganas;
  - Keadaan Sedia Ada\* yang wujud sebelum Tarikh Pengeluaran atau Tarikh Pengembalian Semula polisi, yang mana lebih kemudian;
  - Hernia, jangkitan ptomaina atau bakteria (kecuali jangkitan piogenik yang berlaku disebabkan dan melalui luka atau kecederaan kemalangan); atau
  - Racun, gas, wasap (secara sukarela atau bukan sukarela, tidak disengajakan atau sebaliknya, diambil, diberikan, diserap atau disedut).
- Pengecualian Tambahan bagi Manfaat HUMK akibat Kemalangan untuk Orang yang Diinsuranskan dan Pasangan yang Sah
  - Sebarang bentuk Hilang Upaya sedia ada yang wujud sebelum Tarikh Pengeluaran atau Tarikh Pengembalian Semula polisi, yang mana lebih kemudian.

\*Keadaan sedia ada bermaksud hilang upaya atau penyakit di mana seseorang individu mempunyai pengetahuan yang wajar terhadapnya. Individu tersebut akan dianggap mempunyai pengetahuan yang wajar terhadap penyakit sedia ada sekiranya:

- Individu tersebut telah menerima atau sedang menerima rawatan;
- Nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah dicadangkan;
- Simptom yang jelas dan tepat serta dapat dilihat dengan nyata; atau
- Kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas oleh orang yang sewajarnya dalam keadaan tertentu.

**Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh atas pengecualian di bawah polisi ini.**

## 7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Membeli ILP berpremium berkala merupakan satu komitmen kewangan jangka panjang. Anda tidak digalakkan untuk memegang polisi ini untuk tempoh yang singkat memandangkan kos permulaan yang tinggi. Jumlah nilai yang akan kami bayar kepada anda apabila anda membatalkan polisi sebelum kematangan polisi akan kurang daripada jumlah premium yang telah anda bayar melainkan dana(-dana) yang dipilih mempunyai prestasi yang sangat baik. Jika anda mendapati bahawa dana(-dana) yang anda pilih tidak lagi bersesuaian, anda mempunyai fleksibiliti untuk menukar dana(-dana).

## 8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Itu adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kami tentang sebarang perubahan maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

## 9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk ini, sila layari [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

**Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.**  
**Ground Floor, Menara Tokio Marine Life**  
**189, Jalan Tun Razak,**  
**50400 Kuala Lumpur.**

Talian Am : 03-2059 6188  
 Faks : 03-2162 8068  
 Nombor Khidmat Pelanggan : 03-2603 3999  
 E-mel : [customercare@tokiomarinelife.com.my](mailto:customercare@tokiomarinelife.com.my)

## 10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan?

Sila tanya Kami/ wakil jualan kami untuk pelan lain yang seumpama yang Kami tawarkan.

### MAKLUMAT PENTING:

INI MERUPAKAN PRODUK INSURANS YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET-ASET PELABURAN DAN BUKAN SEJENIS PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH SAHAM. ANDA MESTI MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN BERPUAS HATI BAHAWA PELAN BERKAITAN PELABURAN YANG DIPILIH DAPAT BERSESUAIAN DENGAN RISIKO ANDA, DAN ANDA MAMPU MEMBAYAR PREMIUM SEPANJANG TEMPOH POLISI. UNTUK MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MEMBAYAR PREMIUM TAMBAHAN SEBAGAI 'TOKOKAN'. PULANGAN DARIPADA DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN.

PREMIUM TAMBAHAN BERKALA DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET-ASET PELABURAN DAN BUKAN SEJENIS PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH SAHAM. ANDA MESTI MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN BERPUAS HATI BAHAWA DANA(-DANA) BERKAITAN PELABURAN YANG DIPILIH DAPAT BERSESUAIAN DENGAN RISIKO ANDA, DAN ANDA MAMPU MEMBAYAR PREMIUM SEPANJANG TEMPOH POLISI. PULANGAN DARIPADA DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN.

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Pelan insurans ini diunderait oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

RHB Bank Berhad [196501000373 (6171-M)] ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024.

Hanya untuk tujuan ilustrasi (E. & O.E)

Disediakan Oleh: RHB

Tarikh Dicetak: 29/02/2024